

## PERJANJIAN KEBENARAN/SEWAAN TANAH

PERJANJIAN INI di buat DI ANTARA ..... NO. K/P:  
..... yang beralamat di ..... sebagai pihak  
pertama (Selepas daripada ini dirujuk sebagai "**Pemilik**")

DENGAN

..... NO. K/P: ..... yang beralamat di  
..... sebagai pihak kedua. (selepas daripada ini dirujuk  
sebagai "**Pengusaha**").

Dengan ini menerangkan bahawa PEMILIK adalah pemilik sah tanah yang terletak di  
LOT ..... MUKIM ..... dengan keluasan  
..... HEKTAR (Selepas daripada ini dirujuk sebagai "**Tanah Tersebut**")  
bersetuju untuk memberi kebenaran/sewaan tanah tersebut kepada Pengusaha  
berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

### SYARAT-SYARAT PERJANJIAN

1. Pemilik memberi dan Pengusaha menerima kebenaran/sewaan tanah tersebut selagi perjanjian operasi PTS/DPS/DPL tidak terbatal. Kadar sewaan ..... (jika berkaitan) dipersetujui antara pemilik dan pengusaha.
2. Dalam tempoh perjanjian Pengusaha adalah mempunyai kuasa dan hak menguruskan tanah tersebut dengan perbelanjaan yang ditanggung sendiri oleh Pengusaha termasuk bil utiliti iaitu elektrik, air, infrastruktur, apa-apa sahaja bayaran berkaitan.
3. Pengusaha mempunyai kuasa dan hak untuk membuat penambahan atau pengubahsuaian ke atas premis tersebut dengan persetujuan Pemilik dan perbelanjaan ditanggung sendiri oleh Pengusaha.
4. Pengusaha adalah bertanggungjawab untuk membersihkan dan melindungi tanah tersebut sepanjang tempoh perjanjian dengan perbelanjaan yang ditanggung sendiri oleh Pengusaha.

5. Segala hasil dan pendapatan yang dihasilkan dan diusahakan oleh Pengusaha dari tanah tersebut sepanjang tempoh perjanjian menjadi hak dan kepunyaan Pengusaha.
6. Jika Pemilik ingin menamatkan perjanjian ini sebelum tamatnya tempoh berkenaan, Pemilik mesti memberi notis secara bertulis kepada Pengusaha yang menyatakan tentang niatnya itu, dan notis tersebut akan berkuatkuasa dalam tempoh 90 hari dari tarikh notis tersebut.
7. Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan oleh Pengusaha menurut fasal 6 atau sebab-sebab lain yang berpunca dari kegagalan Pemilik, Pemilik adalah bertanggungjawab membayar balik segala perbelanjaan dan kerugian yang dialami oleh Pengusaha akibat dari penamatan perjanjian ini dengan jumlah yang akan ditafsirkan oleh kedua-dua belah pihak.
8. Jika Pengusaha ingin menamatkan perjanjian ini sebelum tamatnya tempoh berkenaan, Pengusaha mesti memberi notis secara bertulis kepada Pemilik yang menyatakan tentang niatnya itu, dan notis tersebut akan berkuatkuasa dalam tempoh 90 hari dari tarikh notis tersebut.
9. Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan oleh Pemilik menurut fasal 8 atau sebab-sebab lain yang berpunca dari kegagalan Pengusaha, Pengusaha adalah bertanggungjawab membayar balik segala perbelanjaan dan kerugian yang dialami oleh pemilik akibat dari penamatan perjanjian ini dengan jumlah yang akan ditafsirkan oleh kedua-dua belah pihak.
10. Bayaran cukai setem, bayaran guaman dan lain-lain perbelanjaan penyediaan perjanjian ini akan dibayar oleh Pengusaha.

SEBAGAI MENYAKSIKAN PERJANJIAN INI, pihak-pihak yang tersebut dalam perjanjian ini bersetuju menurunkan tandatangan mereka di sini pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan untuk mematuhi segala syarat dan terma perjanjian kebenaran/sewaan ini.

PEMILIK TANAH

PENGUSAHA TANAH

.....

.....

Nama:

Nama:

Tarikh:

Tarikh:

SAKSI

SAKSI

.....

.....

Nama:

Nama:

Tarikh:

Tarikh: